



**TEKS UCAPAN
YAB PERDANA MENTERI
BERSEMPENA PERHIMPUNAN YAB PERDANA
MENTERI BERSAMA WARGA JPM BAGI BULAN
JUN 2017**

Tarikh : 5 JUN 2017 (ISNIN)

Masa : 8.15 PAGI

**Tempat : DATARAN PERDANA
BANGUNAN PERDANA PUTRA
PUTRAJAYA**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia,

Yang Berhormat Menteri-Menteri, dan Yang Berbahagia Ketua Setiausaha Negara dan seterusnya seluruh warga Jabatan Perdana Menteri yang saya hormati sekalian.

Alhamdulillah, kita dapat meneruskan Perhimpunan Bulanan JPM pada bulan Jun ini dan peringkat awal ini saya mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Dato' Seri Hishamuddin Tun Hussein Onn, Menteri Tugas-Tugas Khas buat kali pertama bersama-sama dengan kita dalam perhimpunan pada kali ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Pada hari ini, walaupun kita telah berada pada 10 Ramadan tetapi kita masih ceria disamping menjalani ibadah puasa. Walaupun berpuasa, kita umat islam di Malaysia khususnya penjawat awam dan warga JPM telah menunjukkan prestasi kerja yang tidak berkurangan malah nilai kerja yang lebih baik dalam bulan Ramadan ini. Kita anggap ianya sebagai satu ibadah dan lakukan kerana Allah s.w.t.

Alhamdulillah kita kini telah melalui suku tahun pertama tahun 2017 yang telah mencatat prestasi yang membanggakan dan boleh dilihat sebagai kejayaan kita yang boleh diteruskan sebagai satu momentum ke hadapan. Antaranya pencapaian ekonomi pada suku tahun pertama tahun ini mencatat prestasi yang membanggakan dengan pencapaian ekonomi di luar jangkaan iaitu pertumbuhan sebanyak 5.6 peratus. Bagi

bulan Mac 2017 sahaja, nilai eksport negara pula buat kali pertama dalam sejarah mencatat sebanyak RM 82.83 bilion.

Alhamdulillah, kita juga telah melihat bagaimana laporan tahun 2016 yang telah saya bentangkan bagi pihak Kerajaan baru-baru ini, Insya Allah NKRA kita mencecah 101% dan NKEA kita 110%. Ini semua adalah kejayaan yang boleh kita banggakan. Kita mesti teruskan kejayaan kita ini dan meningkatkan lagi usaha kita sebab saya hendak tahun ini dijadikan sebagai tahun *delivery* dan tahun dimana kita dapat menunjukkan negara kita ini sebagai sebuah Kerajaan yang mampu mencapai segala sasaran kita. Kita tidak buat janji kosong dan sebagai sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab, bila kita janji, kita akan tepati janji kita sebagai sebuah Kerajaan. Insya Allah. Itu lah yang saya nak nyatakan disini bahawa kejayaan ini adalah kejayaan kita bersama. Pada bulan Julai ini, MRT fasa pertama akan dilancarkan sebagai projek gergasi kita. Saya juga berharap projek yang kecil juga perlu dilaksanakan mengikut masa yang telah ditetapkan.

Saya baru balik dari Persidangan Summit Keselamatan di Riyadh. Untuk makluman, Tuan rumah, King Salman telah memberi peluang kepada saya untuk berucap bagi pihak Malaysia. Hanya lima buah negara daripada 51 buah negara telah diberi penghormatan untuk berucap. Ini merupakan salah satu kebanggaan kita sebagai rakyat Malaysia. Insya Allah, *King's Salman Centre For International Peace* akan kita lancarkan tidak lama lagi. Ini semua kejayaan yang sama-sama kita lihat yang kita bina momentum ini. *We must bulid the momentum.*

Malam tadi kita telah melihat apa yang berlaku di Kabul, Manchester, London, Marawi, Manila dan Jakarta amat menyedihkan kita semua. Ini

merupakan ancaman keganasan yang serius dan tidak boleh dipandang remeh di negara ini. Alhamdulillah, ancaman ini tidak berlaku pada kita di Malaysia. Tetapi, kita hendak memerangi ancaman ini bukanlah dengan alat, bala tentera, polis atau kuasa penangkapan sahaja, tetapi lebih kepada memenangi perang ideologi. Pemahaman mengenai ajaran islam yang sebenar perlu diterapkan kepada masyarakat agar mereka tidak terpedaya dengan kegiatan keganasan.

Saya ingin memetik ayat Al-quran yang telah saya baca malam tadi iaitu di dalam surah Al-Baqarah, Ayat 8. Allah telah menyebut bahawa dalam surah itu, ada golongan yang mengakui bahawasanya dia beriman kepada Allah dan beriman pada hari akhirat tetapi sebaliknya dia kufur dan dia menyembunyikan kebaikan. Ada orang mengaku membuat kebaikan tetapi sebaliknya dia membuat kerosakan. Maknanya Allah telah mengingatkan kepada kita bahawa sebenarnya memang terdapat golongan yang sedemikian. Jadi, kita mesti memastikan bahawa tiada golongan sebegini disisi kita. Ini tanggungjawab kita bersama. Mudahan peringatan Allah itu dapat dijadikan sebagai panduan untuk Malaysia ini sebagai sebuah negara yang aman, sentiasa mendapat rahmat daripada Allah dan kita dapat menjalankan tugas kita untuk membangunkan negara dan mensejahterakan rakyat Malaysia yang kita kasihi.

Selamat menjalani ibadah puasa dan Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.